



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 13 Disember 2022

1	-Sumpit lembu, sumbat dalam kereta -Sumpit lembu curi
2	-Redah banjir 2km beri lembu makan -rusa sesat masuk bandar di Jerantut
3	Pelik kerajaan perpaduan mahu import telur
4	Egg producer in sibu willing to compete if prices floated

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13.12.2022	KOSMO	NEGARA	MD & 8

SUMPIT LEMBU, SUMBAT DALAM KERETA »8

Suspek jual 37 ekor lembu curi pada harga tak sampai RM1,000 seekor



SEBAHAGIAN lembu curi yang dirampas daripada tiga suspek di Melaka Sabtu lalu.

Jual kepada pihak ketiga RM1,000 seekor

Sumpit lembu curi

Oleh NORAINNA HAMZAH

REMBAU — Kegiatan licik se-kumpulan tiga lelaki termasuk penagih dadah dari Melaka menggunakan ubat pelai untuk mencuri 37 ekor lembu muda bernilai RM85,000 di sini terbongkar apabila kesemuanya diberkas dalam satu operasi berasaskan dalam satu operasi khas Sabtu lalu.

Kesemua suspek berusia 29 hingga 38 tahun lalu itu diberkas selepas polis menjalankan siatan sebaik menerima laporan daripada empat penternak di Ladang Sungai Baru di sini pada Kamis lalu mengatakan lembu mereka telah dicuri sejak sebuah lapan.

Menurut Ketua Polis Daerah Rembau, Deputy Superintendent Hazri Mohamad berkata, suspek diberkas pada pukul 5 petang di beberapa lokasi di Kuala Sungai Baru, Melaka hasil maklumat awam dan risikan pihaknya.

Katanya, modus operandi suspek ialah menyasarkan lembu yang dibiarakan bebas di dalam kawasan ladang sebelum menembak haiwan itu dengan ubat pelai sebelum disumbat ke dalam kereta jenis Proton Saga.

"Sindiket menyasarkan hal-



HAZRI

wan ternakan yang lepas bebas di kawasan ladang kelapa sawit untuk diiru dan dijual kepada pihak ketiga pada harga murah di bawah RM1,000.

"Ada juga lembu yang dicuri secara berperingkat sejak sebulan lalu itu dimasukkan di dalam kandang lain sebelum dijual. Penternak hanya menyedari kehilangan haiwan mereka selepas terdengar bunyi sumpitan pada pukul 3 pagi Khamis lalu," katanya ketika dihubungi.

Menurut Hazri, apabila ditinjau, penternak nampak ada terdakar tumbang berhampiran sebuah kereta jenis Proton Saga.

Tambahnya, penternak kemudian menjerit hingga menyebabkan suspek melarikan diri. Selepas dikira, pemilik mendapat 37 ekor lembu bernilai RM85,000 daripada empat penternak lesap.

"Selain suspek, polis turut merampas 14 ekor lembu, dua telefon bimbit dan seunit pigital," katanya.

Ujar Hazri, dua suspek mempunyai tiga rekod jenayah dan dadah di Melaka dan Negeri Sembilan selain dikehendaki berhubung kes bahan khayal di Cheras, Kuala Lumpur.

"Seorang lagi mempunyai tujuh rekod jenayah lampau membabitkan dadah serta jenayah. Ketiga-tiga suspek kini direman sehingga 13 Disember ini bagi membantu siasatan," katanya.

Menurut Hazri, polis masih mengesan dua lagi lelaki yang dipercaya dapat membantu siasatan dalam kes tersebut.

Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai suspek diminta menghubungi pegawai penyalat, Sarjan Adi Irwan Abd. Malek di talian **018-225 3484** atau IPD Rembau di talian **06-685 1999** bagi membantu siasatan.

Redah banjir 2km beri lembu makan

RANTAU PANJANG — Seorang warga emas sanggup meredah banjir sejauh dua kilometer (km) setiap hari hanya untuk memberi makan kepada empat ekor lembu ternakannya di Kampung Tersang di sini.

Rohmah Che Abdullah, 67, berulang-alik dari rumah menuai perahu sebelum monaki motosikal ke lokasi lembunya tiga kali sehari sejak bah melanda kampung itu hampir seminggu lalu.

Katanya, rutin itu bukan perkara baharu buatnya kerana dia melakukan tanggungjawab tersebut setiap kali tiba musim tengkujuh setiap tahun.

"Rumah saya ditenggelami air setinggi tiga meter apabila hujan tidak berhenti sejak beberapa hari lalu. Saya pindahkan empat ekor lembu ini di lokasi selamat," katanya.

"Saya sendiri akan membawa dedak ke lokasi itu membalik bot kerana rumput tidak dapat memberi halwan ternak-

kan apabila kawasan ternakan turut terjejas banjir," katanya ketika ditemui di Kampung Ter-

sang di sini semalam.

Ujarnya, selain itu, saudarinya, Mustapha Hassan, 74, turut bergilir-gilir untuk mem-

beri makan lembu ternakan itu kerana bimbang ia mati kelapa-

ran. Katanya, sebelum ini, dia menjual sebanyak empat ekor lembunya kerana sudah penat untuk menguruskan ternakan itu apabila tiga kali banjir me-

landa kampung sepanjang ta-

"Kos untuk membeli dedak juga mahal apabila mencecah RM250 untuk seguni untuk di-

berikan kepada lembu sepan-

jang seminggu banjir. Jika tidak

terjejas bah, lembu-lembu ini

akan meragut rumput."

"Selepas menjual empat ekor

lembu, sekurang-kurangnya perbelanjaan somasi musim banjir sudah berkurang," ka-



ROHMAH memberi makan dedak kepada seekor lembu ternakannya yang diletakkan di lokasi selamat di Kampung Tersang, Rantau Panjang. — KAMARUL BISMI KAMARUZZAMAN



SEEKOR rusa yang sesat berkeliaran di sekitar bandar Jerantut semalam.

Rusa sesat masuk bandar di Jerantut

JERANTUT — Penduduk sekitar bandar Jerantut gempar selepas seekor rusa sesat masuk kawasan pinggir bandar Jerantut berdekatan Taman Koperasi di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pulak 12 tengah hari itu, rusa setinggi kira-kira satu setengah meter berkenaan diperdaya terlepas daripada kandang pemiliknya sebelum berlari keluar ke jalan raya dan melintas di hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Je-

rantut.

Seorang pengguna jalan raya

yang mahu dikenali sebagai

Mohd Najmi sempat merakam gambar rusa sesat itu.

Mohd Najmi berkata, semasa kejadian, dia yang baru pulang dari bandar Jerantut terkejut melihat haiwan itu berlari di kawasan Taman Koperasi dan kemudian melintas jalan raya menghalau ke SMK Jerantut.

"Saya tidak tahu dari mana haiwan ternakan ini terlepas dan siapa pemiliknya. Memandangkan saiz tubuhnya agak kecil dan tidak berlumpur, saya yakin rusa ini dipelihara," katanya di sini semalam.

Jelasnya, ketika rusa ber-

kenaan berlari ke arah jalan raya Jerantut ke Kuala Tembeling ramai kenderaan memperlaharkan kenderaan bagi elak kemalangan.

Seorang pengguna jalan raya, Ismail Arsat, 45, berkata, anaknya teruja melihat haiwan itu sebelum hilang dari pandangan.

Katanya, haiwan itu berlari tepi tembok pagar SMK Jerantut dan kemudiannya menghalau ke kawasan Taman Teratai di sini sebelum ke lokasi yang tidak diketahui.

"Haiwan ini kelihatan tidak liar serta seperti haiwan peliharaan orang," ujarnya.

Pelik kerajaan perpaduan mahu import telur

SAUDARA PENGARANG,

SAYA ingin mengulas pengumuman oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu baru-baru ini bahawa kerajaan bersetuju mengimport telur ayam dari beberapa sumber luar sebagai langkah jangka pendek untuk memastikan bekalan mencukupi.

Tidakkah tindakan kerajaan baharu ini bersifat terburu-buru tanpa memikirkan kesan kepada rakyat dan pemain industri ayam dan telur?

Kepada kerajaan baharu ini, bertindaklah dengan bijak dan buat siasatan dahulu kerana khabarnya masalah telur ini telah berlurut hampir enam bulan sebelum Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) lagi.

Begitu juga masalah kekurangan bekalan dan kehabisan stok minyak masak peket yang kembali menghantui pengguna.

Di pihak rakyat, mereka berharap kerajaan baharu dapat menyelesaikan masalah minyak masak dan bekalan telur yang dilihat semakin hari semakin tidak dapat dikawal.

Jikalau bercadang mengimport telur, bermakna kerajaan baharu juga gagal dan kecundang dalam menyelesaikan isu makanan ini dan bertindak mudah dengan mengimport.

Kerajaan perlu menubuhkan pasukan khas untuk menyiasat dalam di sebalik isu kekurangan makanan asas ini daripada mencari jalan mudah, iaitu mengimport.

Tindakan mengimport akan mengancam peternak dan pengusaha ladang telur yang telah sekian lama menjadi pembekal untuk pasaran tempatan.

Selain itu, telur import berpotensi mengancam keselamatan pengguna kerana mudah rosak dan tamat tempoh.

Maka, kerajaan perlu bertindak tegas dalam memastikan bekalan telur tidak dimanipulasi oleh pihak tertentu sebelum bertindak mengimport dari luar negara yang belum pasti terjamin aspek kebersihan.

Jika tidak, rakyat terpaksa menghadapi krisis demi krisis dan tidak mustahil akan berhadapan krisis makanan yang lebih besar pada masa depan.

TELUR TEMBELANG
Temerloh, Pahang



KERAJAAN perlu menubuhkan pasukan khas untuk menyiasat dalam di sebalik isu kekurangan telur sehingga bahan makanan itu perlu diimport. - GAMBAR HIASAN/AFP

Egg producers in Sibu willing to compete if prices floated

SIBU: Egg producers here are urging the Federal Government to float the prices of eggs to ensure sufficient domestic supply, besides introducing a policy to increase local production of chicken feed.

Sibu MP Oscar Ling Chai Yew said producers are willing to compete on price with imported eggs if the government is ready to float the price.

"The producers are confident the price will go down in a few months.

"There will be enough supply of eggs if the Agriculture and Food Security Ministry takes this measure," he said at a dialogue with the Sibu Poultry and Livestock Association and Sibu Butchers Association yesterday.

Ling said association members claimed that the high cost of chicken feed had restricted the production of eggs and made it difficult for them to sell at an average control price of RM12.90 per tray.

"The cost of feed represents 75% of the total production cost. If we can come up with our own feed, we can control the price of the product.

"Even if we could not produce 100% of the feed, 50% production would be good enough," he said.

Ling said the associations also called on the government to issue more licences for importing pork to solve the meat shortage here.

He said currently, there are only four licenced pork importers in Sibu and consumers have to rely on breeders in Kuching for more.

Pig farms in Sibu have been closed since the African Swine Fever outbreak early this year.